

12/11/1999

220 acara menarik di Karnival Langkawi

LANGKAWI, Khamis - Sebanyak 220 acara menarik menerusi program `Karnival Langkawi' disediakan sepanjang 16 hari mulai 21 November ini bagi memeriahkan sambutan Pameran Maritim dan Udara Antarabangsa Langkawi 1999 (Lima '99).

Pengurus Besar Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada), Datuk Abdul Halil Mutalib, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijadualkan merasmikan acara itu di Dataran Lang, pada 20 November.

Beliau berkata, Karnival Langkawi itu hasil cetusan idea Dr Mahathir yang mahu Langkawi lebih ceria dengan pelbagai acara berbentuk persembahan kebudayaan dan hiburan untuk pengunjung.

"Karnival ini bukan diadakan untuk kita membuang masa atau berseronok tetapi lebih kepada mewujudkan suasana lebih baik untuk pelancong luar negara, domestik dan rakyat tempatan.

"Ia juga diadakan bagi memastikan mereka tinggal lebih lama di Langkawi," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Hadir sama, Pengurus Laman Padi, Mahani Mohamad dan Pengurus Besar DR Group Holdings, Arshad Desa.

(END)